

Seminar Kolokium Kebangsaan Melayu Pulau Pinang

Universiti Sains Malaysia 17-18 September 2003

“Pemuliharaan Warisan Seni Bina Melayu dan Islam Pulau Pinang”

oleh

Profesor Madya Dr. A Ghafar Ahmad

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan

Universiti Sains Malaysia

Email: aghafar@usm.my

<http://www.hbp.usm.my/conservation>

1.0 PENGENALAN

Dalam aspek pelancongan warisan, Pulau Pinang memang terkenal dengan produk pelancongan yang berteraskan sejarah, keindahan alam semulajadi dan juga seni bina bersejarah. Malah, terdapat beberapa buah bangunan bersejarah yang menjadi mercu tanda kepada Pulau Mutiara ini samada bangunan warisan seni bina kolonial, Cina, Melayu mahupun seni bina Islam. Namun begitu, jika dibandingkan dengan warisan seni bina kolonial dan Cina, warisan seni bina Melayu dan Islam kurang mendapat perhatian umum terutamanya untuk tujuan pelancongan warisan dan pemuliharaan bangunan. Hakikatnya, warisan seni bina Melayu dan Islam Pulau Pinang menampilkan pelbagai jenis bangunan yang unik termasuk (a) rumah tradisional Melayu kampung yang biasanya terletak di kawasan desa dan di pinggir sungai/laut; (b) rumah tradisional Melayu bandar dan juga (c) bangunan masjid, surau dan madrasah yang mempunyai rekabentuk berunsurkan tradisional atau kolonial. Warisan seni bina Melayu dan Islam Pulau Pinang kini masih terus dikekalkan di beberapa lokasi termasuk Batu Uban, Balik Pulau, Jelutong, Tanjung Tokong, Georgetown, Sungai Juru, Sungai Bakap, Sungai Acheh dan Bukit Mertajam.

Walau bagaimanapun, arus pembangunan pesat yang melanda kawasan-kawasan tersebut kini semakin mengancam kesinambungan warisan seni bina Melayu dan Islam di Pulau Mutiara itu. Antara cabaran dan tekanan tersebut termasuk usaha penempatan semula penduduk tempatan ke kawasan baru, kerja-kerja perobohan bangunan warisan dan juga kes pemindahan hak milik bangunan Melayu kepada bangsa lain. Dalam menangani kemelut yang melanda warisan seni bina Melayu dan Islam ini, pihak-pihak tertentu termasuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang (DPMPP), Unit Penyertaan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Pulau Pinang; dan Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia perlu lebih proaktif dalam memberi perhatian terhadap permasalahan warisan seni bina Melayu dan Islam Pulau Pinang, terutamanya dalam aspek pemuliharaan bangunan warisan. Jika tiada langkah berkesan yang diambil, lambat laun generasi baru Melayu Pulau Pinang bukan sahaja akan kehilangan warisan seni bina Melayu dan Islam, malah tidak dapat mengenali warisan seni bina bangsa mereka sendiri dengan lebih dekat.

Kertaskerja ini membincangkan beberapa kepentingan warisan seni bina Melayu dan Islam Pulau Pinang terutamanya dalam aspek pembangunan pemuliharaan bangunan bersejarah dan juga pelancongan warisan. Beberapa isu dan cabaran mengenai warisan seni bina Melayu dan Islam Pulau Pinang turut dibincangkan dalam kertaskerja ini.

2.0 SENI BINA MELAYU DAN SENI BINA ISLAM PULAU PINANG

Di negeri Pulau Pinang dan juga di negeri-negeri lain di Malaysia, seni bina Melayu sering dikaitkan dengan rumah tradisional Melayu dan wakaf yang kebanyakannya terletak di petempatan masyarakat Melayu di kawasan perkampungan. Manakala seni bina Islam pula merangkumi rekabentuk binaan untuk tujuan keagamaan seperti masjid dan surau dan juga bangunan pendidikan seperti madrasah dan pondok. Oleh kerana orang Melayu di Malaysia lazimnya beragama Islam, maka seni bina Islam sudah dianggap sebagai sinonim dengan masyarakat Melayu. Masyarakat Malaysia secara umumnya juga sering membuat andaian bahawa seni bina Islam adalah sebahagian daripada imej rekabentuk seni bina Melayu.

2.1 Seni Bina Warisan Melayu

Sejak turun-temurun masyarakat Melayu terus berpegang teguh kepada amalan budaya, bahasa dan agamanya yang tersendiri. Asal-usul masyarakat Melayu di Pulau Pinang bertitik-tolak daripada kedatangan beberapa kelompok etnik termasuk India Muslim, Pakistan, Arab, Aceh dan Jawa ke pulau tersebut. Penghijrahan datuk moyang golongan ini ke Pulau Pinang pada abad ke 19 untuk berdagang dan menyebarkan ajaran Islam telah membentuk suatu masyarakat Melayu yang majmuk, yang boleh bertutur Bahasa Melayu disamping fasih berbahasa ibunda seperti Tamil, Urdu dan Jawa; dan beriman kepada ajaran Islam walaupun suku kaum mereka amat berbeza di antara satu dengan yang lain. Sebagai contoh, penghijrahan Tengku Syed Hussain dan pengikutnya untuk berdagang di Georgetown, Pulau Pinang pada 1792 telah menyebabkan terbinanya sebuah perkampungan Melayu Aceh di Lebuh Aceh yang lengkap dengan sebuah masjid (Masjid Melayu Lebuh Aceh dibina pada 1808), menara azan, rumah kediaman, deretan rumah kedai, madrasah dan pejabat perdagangan.¹ Selain daripada perkampungan Melayu Aceh, terdapat banyak lagi perkampungan Melayu pendatang yang telah wujud sekian lama di Georgetown termasuk Kampong Deli, Kampong Malabar, Kampong Kolam, Lebu Melayu dan Lebu Muntri.

Rekabentuk binaan kediaman masyarakat Melayu di Pulau Pinang mempunyai identiti seni binanya yang tersendiri. Seni bina rumah tradisional Melayu sebenarnya mempunyai hubungan yang rapat dengan cara hidup orang Melayu termasuk adat resam, aspek sosialisasi dan keagamaan. Faktor sosio-budaya ini secara langsung mempengaruhi corak seni bina rumah tradisional Melayu selain daripada faktor iklim, alam sekitar dan bahan binaan yang sediaada.

Majoriti rumah tradisional Melayu diperbuat daripada kayu kerana bahan tersebut mudah diperolehi dan senang diukir atau ditebuk bagi membuat pola hiasan samada di tingkap labuh, jerejak, papan cantik, kerawang, kekisi, papan layang dan tebar layar. Ukiran kayu yang kemas dan menarik di rumah tradisional Melayu sering menggambarkan status pemiliknya samada dari aspek kewangan atau status sosial dalam masyarakat seperti penghulu, ketua kampung, pemilik sawah bendang atau pengusaha dusun. Jika dikaji dengan teliti, struktur rumah tradisional Melayu adalah fleksibel yang mana ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (a) ruang asas seperti ruang tiba, rumah ibu dan dapur sementara (b) ruang tambahan terdiri daripada anjung, serambi, bilik, kelék anak dan pelantar.² Manakala wakaf adalah struktur pembinaan kayu yang ringkas bagi tujuan peneduhan dan juga sebagai tempat rehat dan makan terutamanya kepada para petani yang bekerja di sawah. Malangnya, struktur wakaf semakin jarang ditemui di Pulau Pinang dewasa ini kerana kawasan sawah sering ditebusguna dan ditukar syarat menjadi kawasan perumahan dan kawasan pembinaan jalanraya.

Sebilangan kecil masyarakat Melayu Pulau Pinang tinggal di kawasan bandar seperti di Georgetown dan Butterworth. Rekabentuk kediaman masyarakat Melayu di bandar didapati agak berlainan jika dibandingkan dengan rekabentuk rumah tradisional Melayu di kampung. Ini dapat dilihat dengan penggunaan elemen tiang klasikal, rekabentuk tampak hadapan yang simetri, aras siling yang tinggi dan penggunaan bahan binaan moden seperti marmar, *mosaic*, bumbung genting, konkrit dan batu-bata. Rekabentuk sedemikian boleh dikenali sebagai seni bina rumah Melayu bandar (urban Malay architecture). Terdapat beberapa contoh seni bina rumah Melayu bandar di sekitar Georgetown seperti Rumah Besar Syed Alatas di Lebu Armenian, rumah kediaman di No. 65 Lebu Aceh dan Rumah Besar Syed Sheikh Al-Hadi di Jelutong.

2. Seni Bina Islam

Dalam konteks seni bina Islam di Pulau Pinang, rekabentuk masjid, surau dan madrasah saling berhubungkait dari segi imej dan fungsi keagamaan. Elemen bumbung, rekabentuk menara azan, tiang, tingkap, pintu dan bukaan arca menjadi penentu gaya seni bina bangunan walaupun fungsi asasnya adalah sama. Dalam kajian "Seni Bina Masjid Di Pulau Pinang" yang dijalankan oleh Dr. A Ghafar Ahmad pada 1999 terhadap 186 buah masjid di seluruh negeri Pulau Pinang, beliau telah mendapati tiga (3) jenis rekabentuk seni bina masjid di Pulau Pinang iaitu (a) seni bina vernakular (1700-1790) yang dipengaruhi oleh aspek tradisional dan wilayah (regional), (b) seni bina kolonial (1800-1890) yang mencerminkan ciri-ciri klasikal barat dan Indian Moghul; dan (c) seni bina moden yang dipengaruhi oleh penggunaan struktur utama dalam pembinaan.³ Sebagai contoh, bangunan Masjid Kapitan Keling di Georgetown mempunyai pengaruh seni bina kolonial yang menggabungkan ciri klasikal dan Indian Moghul terutamanya pada rekaan tiang, tingkap, kubah, mehrab, bukaan arca dan pintu gerbang yang berlekuk-lekuk. Manakala bangunan Masjid Tasek Cempedak di Simpang Empat, Nibong Tebal mempunyai gaya seni bina vernakular yang berunsur wilayah dari pengaruh Jawa terutamanya dari bentuk bumbungnya yang berlapis-lapis dengan kubah kecil di puncak bumbung atas. Rekabentuk ini jelas mencerminkan kepelbagaian latarbelakang masyarakat dan pengaruh kebudayaan yang diwarisi oleh pendatang dan pedagang Islam di Pulau Pinang pada sejak ke 19.

Selain daripada masjid, bangunan madrasah juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk imej seni bina Islam di Pulau Pinang. Kebanyakan bangunan tersebut menggabungkan gaya seni bina tradisional rumah Melayu dengan menyerapkan pengaruh kolonial dan Indian Moghul. Bahan binaan daripada kayu sering digunakan disamping penggunaan bahan binaan moden yang lain seperti batu-bata, konkrit, marmar, *mosaic* dan bumbung genting bagi tujuan pengukuhan struktur bangunan. Sebagai contoh, bangunan Madrasah Al-Khairah Islamiah di Kampung Bukit, Jalan Teluk Kumbar, Bayan Lepas, Pulau Pinang yang telah dibina pada 1921. Bangunan ini dahulunya dibina khas sebagai kemudahan tempat belajar agama untuk kaum lelaki terutamanya di waktu pagi. Selepas Perang Dunia II pada 1945, kelas agama tersebut telah dibuka kepada kaum wanita pada sebelah petang.⁴ Bangunan dua tingkat yang dibina dengan ciri-ciri asas sebuah masjid ini akhirnya bertukar menjadi sebuah surau yang boleh memuatkan seramai 40 orang di tingkat bawah dan seramai 20 orang di tingkat atas. Dari segi gaya seni binanya, bangunan ini menggabungkan tiga (3) gaya seni bina iaitu (a) seni bina Melayu terutamanya di tingkat atas bangunan seperti di papan cantik, tingkap labuh berdaun dengan kekisi kayu berukir, ukiran kerawang di bahagian atas tingkap dan tangga kayu, (b) pengaruh seni bina kolonial seperti tampak hadapan yang simetri, penggunaan kumai (*cornice*) dan *pilaster* di dinding, dan batu utama (*keystone*) di bahagian atas tingkap dan pintu; dan (c) pengaruh seni bina Cina terutamanya penggunaan imej kipas di tebar layar di bahagian hadapan bangunan, *fanlight* di bahagian atas pintu dan tingkap serta palang besi di tingkap. Selain daripada bangunan Madrasah Al-Khairah Islamiah, bangunan madrasah di perkarangan Masjid Kapitan Keling, Georgetown dianggap unik kerana gaya seni binanya yang menonjolkan pengaruh Indian Moghul terutamanya bukaan arca dengan kumai (*cornice*) dan jerejak berbentuk geometri.

Keunikan rumah tradisional Melayu dan seni bina Islam di Pulau Pinang memang tidak dapat dipertikaikan. Kehalusan dan kecantikan ukiran kayu di rumah tradisional Melayu seperti pola hiasan jerejak, kerawang, papan cantik dan tebar layar dan gaya seni bina kolonial dan Indian Moghul di kebanyakan masjid bersejarah memberi kesan yang amat mengagumkan kepada para pemerhati. Sesetengah daripada bangunan tersebut berusia melebihi 100 tahun dan telah diwarisi dari satu generasi ke generasi yang baru. Walaupun hanya segelintir bangunan warisan tersebut diwartakan di bawah Akta Bendapurba 1976 atau disenaraikan di dalam dokumen Bangunan Bersejarah MPPP, namun pihak kerajaan perluewartakan beberapa rumah tradisional Melayu yang mempunyai nilai seni bina dan sejarah yang tinggi

agar usaha-usaha pemuliharaan dan penyenggaraan dapat dilaksanakan dengan baik. Contoh bangunan warisan Islam di Pulau Pinang yang telah diwartakan di bawah Akta Bendapurba 1976 ialah Masjid Melayu Lebuh Aceh, Masjid Kapitan Keling dan Makam Sheikh Omar.

3. KEPENTINGAN PEMULIHARAAN WARSIAN SENI BINA MELAYU

DAN SENI BINA ISLAM

Pendapat sesetengah pihak yang menyatakan bahawa bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam di Pulau Pinang tidak perlu dipulihara adalah tidak berasas. Pandangan tersebut wajar disangkal kerana jika dikaji secara terperinci, bangunan warisan tersebut mempunyai beberapa kepentingannya yang tersendiri.

3.1 Sejarah

Dari segi perkembangan sejarah Malaysia, khususnya Pulau Pinang, bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam dapat berfungsi sebagai bahan bukti kepada sesuatu era, peristiwa dan juga perkembangan masyarakat Islam tempatan. Kewujudan beberapa bangunan masjid lama di tengah bandaraya Georgetown membuktikan asal-usul petempatan awal masyarakat Melayu dan Islam di Pulau Pinang, terutamanya sejarah kedatangan para pedagang dan pendatang Islam ke Pulau Pinang di awal abad ke 19. Sebagai contoh, Masjid Melayu Lebuh Aceh yang dipelopori oleh masyarakat pedagang Melayu Aceh dari Sumatera, Masjid Pakistan yang diasaskan oleh masyarakat Pakistan dan Masjid Kapitan Keling yang dibangunkan oleh masyarakat India Muslim menjadi bukti sejarah bahawa Pulau Pinang pernah menjadi tempat tumpuan pedagang Aceh, India dan Pakistan suatu ketika dahulu.

2. Nilai Seni Bina

Dari segi seni bina pula, rumah tradisional Melayu yang kebanyakannya diperbuat daripada kayu mempunyai ciri-ciri rekabentuk, pola hiasan serta ukiran kerawang yang unik dan menarik. Keadaan ini jelas menggambarkan kemahiran, ketekunan dan keusahawanan yang dimiliki oleh para tukang kayu Melayu yang membina dan merekabentuk rumah tradisional Melayu. Sebagai contoh, sebuah rumah tradisional Melayu di Bayan Lepas (No. 3641, Mukim XII) yang dibina pada 1953 mempunyai struktur bumbung lima pada bahagian tengah rumah, tingkap labuh dengan pola jerejak dan kerawang atas tingkap yang menarik serta ukiran papan cantik yang kemas. Rumah tradisional Melayu yang kaya dengan nilai seni bina ini telah menerima hadiah pertama dalam Peraduan Rumah Tradisi Terbaik Pulau Pinang anjuran Jabatan Senilukis dan Senibina Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang pada 1982.⁵

3. Pembentukan Minda dan Jati Diri

Usaha pemuliharaan bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam adalah amat penting dalam proses pembentukan minda, terutamanya generasi muda Pulau Pinang ke arah penghayatan warisan dan khazanah negara. Bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam di Pulau Pinang merupakan salah satu aset negara yang perlu dipelihara dan diwarisi dengan baik dari satu generasi ke satu generasi. Dengan wujudnya bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam ini, generasi muda khususnya bangsa Melayu, akan lebih menghargai dan peka kepada perkembangan sejarah dan khazanah negara. Kesedaran ini seterusnya dapat memupuk sikap prihatin dan sensitiviti masyarakat terhadap sebarang unsur pencerobohan dan pemusnahan ke atas bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam yang bersejarah. Justeru itu, tahap pembentukan minda dan semangat jati diri di kalangan generasi muda Melayu masa kini akan dapat dipertingkatkan.

4. Pendidikan

Selain daripada sejarah, nilai seni bina dan pembentukan minda, bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam di Pulau Pulang juga boleh memainkan peranan yang penting di dalam pengukuhan tahap pendidikan masyarakat tempatan khususnya di kalangan para pelajar dan ahli penyelidik. Pelbagai ilmu pengetahuan boleh didapati daripada mengkaji mengenai bangunan warisan, dari memahami seni ukiran kayu hinggalah kepada pembinaan struktur bangunan. Aspek sejarah bangunan dan sosio-budaya penghuninya juga boleh dikaji bersama bagi memantapkan lagi kefahaman terhadap bangunan warisan, fungsinya dan potensinya pada masa akan datang. Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia, sebagai contoh, mempunyai kursus 'Lukisan Terukur dan Kajian Kes' yang sentiasa memberi galakan kepada para pelajar universiti mengkaji bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam disamping menjalankan kerja-kerja mengukur dan melukis semula bangunan dengan skala tertentu, yang dikenali sebagai lukisan terukur. Para pelajar bukan sahaja dapat mempelajari segala aspek pembinaan bangunan warisan yang dipilih, malah hasil kerja mereka termasuk laporan kajian dan lukisan terukur dapat disimpan sebagai bahan rujukan yang berguna di masa hadapan.

5. Pelancongan Warisan

Dari sudut pelancongan pula, terutamanya pelancongan warisan (heritage tourism), pemuliharaan bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam dapat dijadikan sebagai produk pelancongan yang berkualiti yang mampu menarik perhatian peminat seni bina warisan disamping para pelancong tempatan dan luar negara. Bangunan warisan tersebut boleh dibaikpulih dan diubahsuai kepada fungsi yang lain seperti galeri, muzium, restoran dan juga pusat penerangan pelancong. Sebagai contoh, Rumah P. Ramlee yang terletak di Jalan P. Pamlee, Pulau Pinang telah dibaikpulih dan diubahsuai oleh pihak Jabatan Arkib Negara untuk dijadikan sebagai Galeri Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee (1928-1973) yang cukup terkenal di Pulau Pinang. Begitu juga dengan Rumah Besar Syed Alatas di Lebuhr Armenian yang telah dipulihara oleh Kerajaan Negeri dan Pusat bagi menempatkan Pusat Warisan Pulau Pinang suatu ketika dahulu. Inisiatif untuk terus menjaga dan membaikpulih bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam sudah pasti akan dapat menyelamatkan khazanah budaya warisan Melayu disamping membantu meningkatkan daya saing industri pelancongan negeri.

4.0 KERJA-KERJA PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN

Dari segi definisinya, pemuliharaan bangunan bererti memelihara dan membaikpulih harta dan warisan lama yang mempunyai nilai-nilai seni bina, sejarah dan budaya yang tinggi melalui kerja-kerja penyenggaraan dan pembaharuan. Proses ini bertujuan untuk melanjutkan usia atau keadaan sesebuah bangunan lama atau sebarang harta warisan. Konteks bangunan yang dimaksudkan boleh ditakrifkan sebagai mana-mana struktur pembangunan yang telah atau sedang digunakan atau didiami. Penyenggaraan dan pembaharuan bangunan warisan boleh dipraktikkan melalui beberapa kaedah dan teknik pembaikan dan pemuliharaan. Bagi bangunan warisan yang berusia melebihi 100 tahun atau yang telah diwartakan di bawah Akta Bendapurba 1976, sebarang kerja-kerja yang melibatkan pembaikan, pengubahsuaian, pembaharuan dan arkeologi di tapak bangunan warisan perlu mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia.

Memandangkan skop kerja pemuliharaan bangunan melibatkan pelbagai disiplin profesional yang berbeza seperti konservator, arkitek, jurutera bangunan, ahli arkeologi, pakar sejarah dan juru ukur bahan, kerja-kerja yang dijalankan perlu melalui tiga (3) peringkat utama seperti berikut:

1. Peringkat pertama: penyediaan laporan kajian dilapidasi

Setiap bangunan warisan yang telah dikenalpasti untuk dibaikpulih perlu menjalani kajian dilapidasi bagi menentu dan menganalisa tahap kecacatan atau kerosakan yang telah berlaku pada bangunan seperti serangan anai-anai, keretakan, pengelupasan lapisan cat, proses penggaraman, kehadiran tumbuhan liar atau parasit dan tahap kelembapan dinding. Kajian kecacatan ini perlu didokumenkan samada dalam bentuk gambar foto atau dilakarkan di dalam lukisan terukur. Maklumat kecacatan bangunan tersebut perlu dimasukkan ke dalam sebuah laporan yang juga menerangkan latarbelakang bangunan dan cadangan kerja-kerja pemuliharaan yang akan dijalankan. Laporan kajian dilapidasi amat penting sebagai bahan rujukan bagi peringkat seterusnya iaitu penyediaan kuantiti bilangan (Bill of Quantity - BQ) dan juga penawaran dokumen tender projek.

2. Peringkat kedua: penyediaan kuantiti bilangan (BQ)

Laporan kajian dilapidasi perlu dikemukakan kepada pihak klien terlebih dahulu sebelum ianya diserahkan kepada pihak juru ukur bahan untuk penyediaan kuantiti bilangan. Juru-ukur bahan dengan kerjasama pihak konservator dan arkitek akan menentukan tatacara kerja bagi menangani masalah kecacatan bangunan dan seterusnya menilai kos keseluruhan projek yang diperlukan. Dengan persetujuan pihak klien, dokumen kuantiti bilangan tersebut akan ditawarkan kepada pihak kontraktor bagi tujuan tender dan perlantikan. Pihak kontraktor perlu diberi taklimat mengenai masalah kecacatan bangunan sebelum harga tender projek ditentukan.

3. Peringkat ketiga: kerja-kerja pemuliharaan

Setelah pihak kontraktor dilantik, peringkat seterusnya merupakan peringkat yang amat penting kerana ianya melibatkan kerja-kerja pemuliharaan yang memerlukan kepakaran dan pengalaman. Keadaan bangunan sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja pemuliharaan perlu direkodkan dengan teliti dan terperinci melalui kaedah *Historical Architectural Building Survey* (HABS). Segala kecacatan bangunan perlu ditangani dengan berpegang kepada konsep kerja iaitu gangguan yang minimum (minimum disturbance) terhadap struktur bangunan dan bahan binaan sediaada. Kajian saintifik perlu dijalankan sebagai asas rujukan untuk mengetahui komponen dan kekuatan bahan binaan. Kepakaran jurutera bangunan perlu dirujuk dari masa ke semasa bagi memastikan struktur bangunan berada di dalam keadaan baik dan selamat.

5.0 ISU DAN CABARAN

Pelbagai isu dan cabaran akan terus menghantui warisan seni bina Melayu dan Islam dalam meniti arus pemodenan yang kian pesat di Negeri Pulau Pinang menjelang 2020. Saban hari masyarakat tempatan sering dikejutkan dengan insiden perobohan dan pemusnahan bangunan lama bagi memberi laluan kepada projek pembangunan mega termasuk pembinaan lebuh raya, kompleks membeli-belah, kawasan perumahan dan juga perindustrian. Sebagai contoh, banyak rumah tradisonal Melayu yang terbina di kawasan Batu Uban, Bukit Jambul, Bayan Baru dan Relau telah dirobohkan bagi memberi laluan kepada projek-projek pembinaan baru. Terdapat juga beberapa buah rumah tradisonal Melayu yang terhimpit dan terselit di celah-celah pembangunan baru yang mana ianya lambat laun akan terpaksa dirobohkan juga. Keadaan sedemikian dianggap amat menekan dan mendukacitakan dalam perjuangan pemuliharaan khazanah warisan seni bina Melayu di negeri Pulau Pinang.

Tidak seperti keadaan rumah tradisonal Melayu, nasib bangunan masjid di Pulau Pinang adalah jauh lebih baik. Situasi ini adalah kerana bangunan masjid jarang sekali dirobohkan bagi memberi laluan kepada pembangunan moden. Dalam meneruskan usaha-usaha

pemuliharaan warisan seni bina Melayu dan Islam di Pulau Pinang, terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu difikirkan bersama demi menjaga khazanah warisan Melayu yang kian tergugat dan terhakis.

1. Penonjolan dalam imej pelancongan warisan negeri

Dalam agenda mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan antarabangsa, samada di media massa mahupun media cetak, keunikan dan kehalusan seni bina rumah tradisional Melayu terutamanya di Batu Uban, Balik Pulau, Jelutong, Tanjung Tokong, Georgetown, Sungai Juru, Sungai Bakap, Sungai Acheh dan Bukit Mertajam tidak diberi penonjolan yang sewajarnya dalam imej pelancongan warisan negeri. Sebaliknya, hanya bangunan warisan kolonial British seperti Kota Cornwallis, Bangunan Bandaran Pulau Pinang, Dewan Undangan Negeri dan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, serta beberapa bangunan warisan Cina seperti Khoo Kongsi, Rumah Besar Cheong Fatt Tze dan rumah kediaman Dr. Sun Yat Sen diberi keutamaan dalam strategi mempromosikan bangunan warisan negeri. Sudah tiba masanya seni bina warisan Melayu dan Islam turut ditonjolkan dalam setiap promosi pelancongan warisan negeri agar ianya seimbang dengan penonjolan warisan seni bina yang lain di Pulau Pinang.

2. Keprihatinan masyarakat Melayu

Tahap kesedaran dan keprihatinan masyarakat Melayu tempatan terhadap khazanah warisan seni bina Melayu dan Islam di Pulau Pinang masih berada di tahap yang rendah jika dibandingkan dengan tahap kesedaran bangsa-bangsa lain di negeri itu. Adalah amat mengecewakan apabila bangsa Melayu sendiri sanggup menggadaikan bangunan warisan mereka kepada bangsa lain semata-mata kerana pengaruh wang ataupun bermotif politik. Perkara ini telah berlaku kepada Rumah Besar Syed Sheikh Al-Hadi yang tersergam indah di Jelutong, Pulau Pinang. Rumah batu beratap genting kepunyaan Tuan Syed Sheikh Al-Hadi, bekas pengetua Madrasatul Mashoor Al-Islamiyah pada 1919, telah terjual kepada bangsa Cina yang kemudiannya telah menjadikan rumah itu sebagai tempat penyembahan pada hari pertama dan ke limabelas pada setiap bulan.⁶ Selain daripada itu, satu insiden yang mana beberapa buah bangunan warisan (No. 65, 67 dan 69 Lebuh Acheh) di perkampungan Masjid Melayu Lebuh Acheh dicadangkan oleh pihak Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) untuk dirobuhkan bagi memberi laluan kepada pembinaan pangsapuri kos sederhana menampakkan sikap tidak prihatin sebilangan masyarakat Melayu yang sanggup menggadai khazanah warisan bangsa sendiri demi kepentingan agenda politik mereka.

3. Sokongan kewangan dalam kerja-kerja membaikpulih

Pihak-pihak tertentu termasuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang (DPMPP), Unit Penyertaan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Pulau Pinang; dan Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia perlu memberi sokongan kewangan dan penasihat teknikal dalam usaha-usaha pemuliharaan bangunan warisan termasuk bagi kerja-kerja penyenggaraan dan membaikpulih. Sebuah dana yang khusus perlu diwujudkan bagi membiayai kerja-kerja pemuliharaan warisan seni bina Melayu dan Islam di Pulau Pinang. Dengan cara ini, khazanah warisan Melayu dapat dipelihara dan dijaga dengan baik agar dapat ditatapi dan dinikmati oleh generasi akan datang.

4. Penyelidikan seni bina Melayu dan Islam

Penyelidikan dan penerbitan mengenai seni bina Melayu dan Islam di Pulau Pinang perlu dipergiatkan dengan penglibatan para penyelidik tempatan termasuk para pensyarah, guru, pelajar sekolah serta pelajar dari institusi pengajian tinggi. Para penyelidik Melayu khususnya

perlu sedar bahawa tanpa usaha gigih mereka, sejarah dan latarbelakang bangunan warisan Melayu tidak akan dapat dimanfaatkan oleh generasi Melayu akan datang. Hasil kajian mereka perlu diterbitkan bagi tujuan pencambahan dan memperkayakan ilmu terutamanya dalam bidang seni bina Melayu dan Islam.

5. Penglibatan masyarakat Melayu dalam pembangunan warisan

Penglibatan masyarakat Melayu dalam usaha-usaha pemuliharaan warisan seni bina Melayu dan Islam di Pulau Pinang amat penting terutamanya dalam apa jua projek yang melibatkan bangunan warisan Melayu dan seni bina Islam. Masyarakat Melayu perlu bersatu dan berkerjasama demi memastikan warisan seni bina Melayu dan Islam tidak ketinggalan atau dianaktirikan oleh mana-mana pihak dalam setiap urusan pembangunan warisan negeri. Bangsa Melayu di Pulau Pinang harus proaktif dalam usaha-usaha menyelamatkan warisan mereka dengan melibatkan diri dalam seminar dan bengkel yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan warisan.

6. Penwartaan bangunan warisan

Bangunan warisan Melayu yang mempunyai nilai-nilai seni bina, sejarah dan budaya yang tinggi perlu dicadangkan untuk diwartakan di bawah Akta Bendapurba 1976. Pihak kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia perlu berkerjasama dan mengambil inisiatif untuk mengemukakan mana-mana bangunan warisan Melayu yang berpotensi untuk diwartakan bagi tujuan pemuliharaan. Dengan cara ini, bantuan kewangan dapat disalurkan bagi tujuan membaikpulih dan memulihara bangunan warisan tersebut. Inisiatif ini sudah pasti menjamin kelangsungan bangunan tersebut dan seterusnya dapat menyelamatkan khazanah warisan Melayu yang kian pupus di Pulau Pinang.

6.0 KESIMPULAN

Kertaskerja ini membincangkan keunikan sejarah warisan seni bina Melayu dan Islam di Pulau Pinang serta dilema yang sedang dihadapi demi untuk mengekalkan khazanah warisan seni bina yang bernilai tinggi ini. Isu pengekalan warisan seni bina Melayu dan Islam di Pulau Pinang ini sebenarnya amat kompleks dan bertindan-lapis; justeru itu masalah ini perlu ditangani secara bersepadu dan berhemah agar ianya dapat menepati matlamat jangka panjang menyelamatkan maruah bangsa Melayu yang semakin terhakis di Pulau Mutiara. Untuk itu masyarakat Melayu di Pulau Pinang, khususnya generasi muda perlu dididik untuk menghayati liku-liku sejarah bangsa mereka seterusnya menghargai pusaka peninggalan sejarah ini supaya mereka turut merasa terpenggil untuk berganding bahu dalam gerakan menyelamatkan warisan bangsa yang semakin terpinggir. Jentera pentadbiran termasuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang (DPMPP), Unit Penyertaan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Pulau Pinang; dan Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia perlu menggembeling sepenuh tenaga untuk memastikan warisan seni bina Melayu dan Islam di Pulau Pinang akan kekal gemilang dan bersinar di Pulau Mutiara.

RUJUKAN

A Ghafar Ahmad, *Seni Bina Masjid Di Pulau Pinang*, Laporan Penyelidikan Jangka Pendek USM, 1999.

"Pemulihan Masjid Melayu Lebuh Aceh, Pulau Pinang", *Penang: Past & Present*, Issue 3, Disember 1998.

"The Architectural Styles of Mosques in Malaysia: From Vernacular to Modern Structures", *Proceedings of the Symposium on Mosque Architecture*, Riyadh: King Saud University, Vol. 2, 1999.

Khoo Su Nin, *Streets of Georgetown Penang: An Illustrated Guide to Penang's City Streets & Historic Attractions*, Penang: Janus Print & Resources, 1993.

"The Acheen Street Community: A Melting Pot of the Malay World", *Pulau Pinang: A Guide to the Local Way of Life & Culture of Penang*, Vol. 2, No. 2, 1990.

The Real Guide Malaysia's No. 1 Destination Penang: Complete Visitor Handbook, Penang: Coda Designs, 1998.

Lim Jee Yuan, *The Malay House: Rediscovering Malaysia's Indigenous Shelter System*, Pulau Pinang: Institut Masyarakat, 1997.

Mohd Hazemi Ghazali, et.al., *Bangunan Rumah Tradisional Bayan Lepas, Pulau Pinang: Lukisan Terukur dan Kajian Kes*, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM, 1998.

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, *Seni Bina Di Malaysia: Kritikan Tentang Seni Bina Islam, Identiti Nasional & Pendidikan*, Sg. Buloh: Design Modular Sdn. Bhd., 1999.

Suraidah Daud, et.al., *Rumah 1953; Lukisan Terukur dan Kajian Kes*, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM, 1999.

Zakry Abadi, *Pembangunan Pulau Pinang Dalam Perspektif Sejarah, Politik, Ekonomi, Sosial, Budaya dan Perpaduan*, Pulau Pinang: Gelanggang Publishing, 1994.

Zulkefli Mat Junit, et.al., *Madrasah Al-Khairah Islamiah, Kampung Bukit, Jalan Teluk Kumbar, Bayan Lepas, Pulau Pinang: Lukisan Terukur dan Kajian Kes*, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM, 1998.

AG/KolokiumMelayu/Paper/280703

¹ A Ghafar Ahmad, "Pemulihan Masjid Melayu Lebuh Acheh, Pulau Pinang", *Penang: Past & Present*, Isu 3, Disember 1998, ms. 27.

² Mohd Hazemi Ghazali, et.al., *Bangunan Rumah Tradisional Bayan Lepas, Pulau Pinang: Lukisan Terukur dan Kajian Kes*, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM, 1998, ms. 25.

³ A Ghafar Ahmad, *Seni Bina Masjid Di Pulau Pinang*, Laporan Penyelidikan Jangka Pendek USM, 1999, ms. 70.

⁴ Zulkefli Mat Junit, et.al., *Madrasah Al-Khairah Islamiah, Kampung Bukit, Jalan Teluk Kumbar, Bayan Lepas, Pulau Pinang: Lukisan Terukur dan Kajian Kes*, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM, 1998, ms. 23.

⁵ Suraidah Daud, et.al., *Rumah 1953: Lukisan Terukur dan Kajian Kes*, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM, 1999, ms. 10.

⁶ Khoo Su Nin, *Streets of Georgetown Penang: An Illustrated Guide to Penang's City Streets & Historic Attractions*, Penang: Janus Print & Resources, 1993, ms. 95.